

25/05/2000

Shahidan dakwa ada perwakilan disogok hingga RM3,000

KUALA PERLIS, Rabu - Pengerusi Perhubungan Umno Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, hari ini mendedahkan ada perwakilan dalam pemilihan parti baru-baru ini diberi wang sogokan antara RM200 dan RM3,000 supaya menyokong calon tertentu.

Katanya, beliau menerima aduan berhubung kegiatan politik wang itu daripada beberapa perwakilan, termasuk dari negeri lain yang turut menyerahkan wang berkenaan kepadanya sebagai bukti.

Berikutan itu, beliau akan menyerahkan maklumat dan wang yang diterimanya kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk tindakan lanjut.

"Jumlah wang yang diterima oleh perwakilan terbabit agak besar yang mana ada di antara mereka menerima RM200, RM1,000, RM2,000 dan RM3,000. Sebahagian daripada mereka sudah habis membelanjakan wang itu.

"Mereka mengadu diberi sogokan daripada orang tengah ketika Perhimpunan Agung Umno berlangsung baru-baru ini supaya menyokong calon tertentu yang bertanding," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Sukan Air (Laut) sempena Pesta Air Perlis 2000 di sini, hari ini. Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan negeri, Mat Isa Sabu.

Selepas Perhimpunan Agung Umno lalu, beberapa calon yang bertanding jawatan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi (MT), termasuk Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Datuk Dr Rais Yatim mendakwa politik wang masih berlaku pada pemilihan itu.

Shahidan yang juga Menteri Besar berkata, terdapat tiga kemungkinan berhubung politik wang iaitu ia benar-benar dilakukan oleh calon bertanding; perbuatan sabotaj oleh orang dalam parti atau perangkap pembangkang bagi memburukkan seseorang calon.

"Selain itu, politik wang mungkin juga dilakukan oleh pihak tertentu dengan harapan akan mendapat pelbagai peluang sekiranya calon yang ditaja menang dalam pertandingan," katanya.

Diminta mengulas kenyataan Ahli MT, Datuk Shahril Samad, bahawa mereka yang melakukan politik wang terdiri daripada golongan yang menerima rasuah, Shahidan berkata:

"Kemungkinan itu ada tapi tidak semua begitu kerana ada juga calon yang berjaya dalam perniagaan dan mereka boleh menggunakan kekayaan itu untuk mendapatkan undi daripada perwakilan," katanya.

Beliau berkata, gejala politik wang sukar dibanteras kerana membabitkan banyak pihak dan cara terbaik mengatasinya ialah dengan memberi kesedaran kepada setiap ahli Umno.

Selain itu, beliau mengingatkan parti pembangkang supaya tidak menyibuk dalam soal dalaman Umno kerana parti terbesar masyarakat Melayu itu mempunyai cara tersendiri untuk mengatasinya.

"Pembangkang tak usah sibuk menjaga tepi kain orang kerana politik wang juga berlaku dalam parti mereka seperti mengutip wang orang ramai dalam setiap ceramah sedangkan perbelanjaannya tidak jelas," katanya.

(END)